

'Tidak bertamadun'

Umno Bahagian Kuala Langat gesa siasatan dibuat ke atas pelaku hina TPM

BANTING - Individu memuat naik imej yang menghina Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam laman sosial dianggap sudah hilang deria rasa hormat kepada sesama manusia.

Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, tindakan individu itu disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan dan tidak bertamadun.

"Hari ini, kecanggihan teknologi maklumat disifatkan kelas satu di dunia tapi kita nampak pengguna media sosial kini menunjukkan kepakaran mereka yang bertahap kelas tiga.

"Saya nampak penghinaan bentuk *viral* tersebut boleh mewujudkan provokasi kepada orang Melayu khususnya ahli Umno," katanya selepas membuat laporan di



Sulaiman menunjukkan salinan laporan polis yang dibuat di IPD Kuala Langat, semalam.

Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat, semalam.

Menurutnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) diharapkan dapat menyegerakan siasatan kes tersebut memandangkan ia penghinaan terhadap pemimpin tertinggi negara.

"Kita tak mahu sikap hina-menghina yang *diviral*

kan ini jadi budaya dalam masyarakat.

"Pihak yang bertanggungjawab perlu ambil tindakan kepada si pelaku supaya jadi pengajaran kepada pengguna media sosial yang lain," katanya.

Beliau berkata, ahli Umno seharusnya berperanan menangkis mana-mana fitnah yang *diviralkan* dalam la-

man sosial dengan memperbetulkannya serta menyebarkan maklumat yang sahih demi menjaga maruah dan mempertahankan pemimpin.

"Sebagai ahli Umno, kita perlu bercakap benar walaupun ia tidak berikan implikasi kepada kita demi untuk mengelakkan perpecahan dalam kalangan masyarakat khususnya ahli Umno," katanya.

Dr Yahya dilantik ahli majlis MDKL

BANTING - Seorang lagi Ahli Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis 2016/2017 di Bilik Cempaka Kuning, MDKL baru-baru ini.

Datuk Dr Yahya Baba, 62, berkata, dia merancang mendidik masyarakat di Zon 15 supaya meningkatkan tahap kesihatan pada setiap masa.

"Saya akan tekankan aspek pemakanan sihat dalam kempen-kempen kesihatan yang bakal dirancang, termasuk amalan meminimakan penggunaan garam atau gula dalam makanan.

"Bagi saya, selain melihat kawasan persekitaran bersih dan bebas daripada denggi, amalan hidup sihat perlu diutamakan barulah kawasan seliaan kita jadi bersih," katanya selepas mengangkat sumpah di hadapan 22 ahli majlis termasuk Yang Dipertua MDKL,



DR YAHYA

Mohd Azhar Mohamed Ali dalam Mesyuarat Penuh MDKL itu.

"Saya akan selia kawasan saya termasuk Taman Harmoni, Taman Bahagia, Gold Coast Morib, Bandar Peranginan Seri Morib, Pekan Tongkah, Kampung Kanchong Tengah dan Kampung Endah dengan baik bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," katanya.